

20 kes baru H1N1 dikesan

13 babit warga tempatan dengan jumlah terkumpul 144

Oleh Saufi Hamzah
sofeham@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 20 kes baru jangkitan Influenza A (H1N1) dikesan di seluruh negara termasuk empat jangkitan tempatan sekali gus menjadikan jumlah terkumpul kes itu sehingga pagi semalam sebanyak 144.

Daripada 20 kes itu, 13 membabitkan warga tempatan, manakala selebihnya warga asing iaitu masing-masing seorang Vietnam, Jerman, Australia, Jepun, Amerika Syarikat dan dua Indonesia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican, berkata sehingga jam 8 pagi semalam, antara yang disahkan positif H1N1 adalah seorang kanak-kanak lelaki warga Malaysia berusia lima

tahun yang tiba di Pulau Pinang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Jakarta pada 26 Jun lalu menaiki penerbangan MH116 (tempat duduk 27F).

Turut disahkan positif adalah seorang bayi lelaki warga Amerika Syarikat berusia se-

tahun sembilan bulan yang tiba di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), Sepang dari Bali kelmarin menaiki penerbangan AirAsia QZ8394 (tempat duduk 7E) pada jam 3.30 petang.

Dr Ismail berkata, berikutan peningkatan kes import dari Indonesia dan Thailand ke negara ini, Kementerian Kesihatan menetapkan berkuat kuasa serta-merta, semua pelawat yang datang dari negara berkenaan akan diperiksa sebaik tiba ke sini.

Katanya, kes ke-125 membabitkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 39 tahun iaitu kontak kepada kes ke-79, ke-101 dan ke-111 dan tiada sejarah perjalanan.

"Dia mula menunjukkan gejala sakit tekak pada 25 Jun sewaktu menjalani kuarantin rumah dan swab tekak

diambil pada 26 Jun serta disahkan positif pada 27 Jun dan mula diberikan rawatan antiviral serta berada dalam keadaan stabil.

"Dia disahkan sebagai kes tempatan ke-19. Satu keluarga disahkan dijangkiti H1N1 yang berpunca daripada kes ke-79," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Ismail berkata, jumlah pesakit yang masih dirawat di hospital ialah 42 orang dan kesemua mereka menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi.

"Jumlah pesakit yang sudah sembuh setakat ini ialah 102 orang dan mereka sembuh sepenuhnya serta sudah dibenarkan keluar dari hospital. Jumlah kontak yang sedang menjalani kuarantin di rumah ialah 618 orang dan semuanya sihat," katanya.

KK *Kementerian Kesihatan tetapkan berkuat kuasa serta-merta, semua pelawat dari Indonesia dan Thailand akan diperiksa sebaik tiba ke sini"*

Dr Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan